# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 34 | RABU 20HB OGOS, 1980. | 1400 رابو 8 شوال | PERCHUMA


## HARGA BARU MINYAK PETROL:

# SUBSIDI K'JAAN MENINGKAT $40 JUTA SA-TAHUN

BANDAR SERI BEGAWAN.— Dalam kadar baru harga2 minyak yang di-umomkan pada malam hari Ahad lepas, Kerajaan terpaksa mengeluarkan subsidi tiga kali ganda dari yang pernah di-keluarkan dalam tahun 1976 yang berjumlah $10 juta sa-tahun.

Sa-belum kenaikan ini, kadar subsidi tersebut telah meningkat ka-angka yang tidak kurang dari $67 juta sa-tahun berikutan dengan perubahan harga2 minyak dunia dari satu masa ka-satu masa hingga-lah pada hari ini. Ini menunjokkan bahawa ada ketika-nya Kerajaan terpaksa menanggong subsidi yang begitu tinggi dari kadar subsidi yang di-persetujui dalam tahun 1976 itu.

Sa-buah kenyataan Kerajaan menjelaskan bahawa dengan kedudokan itu ada-lah di-fikirkan berpatutan jumlah subsidi itu di-tetapkan kapada satu angka yang munasabah pada membolehkan penjualan minyak di-negeri ini sachuchok dengan asas2 perniagaan yang sehat.

Ka-arah itu, jumlah angka subsidi telah pun di-tetapkan dan pehak2 yang berkenaan telah pun bersetuju untok mensesuaikan harga minyak dari tengah malam hari Ahad, 17hb Ogos, 1980.

Mulai dari tarikh itu, harga minyak Super ia-lah $2.00 satu gelen; Regular $1.50 sen satu gelen; dan, Diesel $1.20 sen satu gelen; sementara harga bagi minyak kerosine maseh tidak berubah ia-itu 90 sen satu gelen.

Dalam kadar baru harga minyak itu, Kerajaan maseh menanggong subsidi dalam lingkongan $40 juta sa-tahun. Harga2 minyak yang baru ini menurut keadaan sekarang ada-lah maseh lagi yang termurah di-rantau ini.

Kenyataan Kerajaan itu menambah, ada-lah juga di-persetujui buat masa2 yang akan datang, harga2 minyak di-negeri ini akan dengan sendiri-nya di-tak-

Lihat muka 16



SA-BAHAGIAN dari kakitangan Bahagian Penerangan yang telah berkunjong ka-Istana untok ziarah kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei serta lain2 Kerabat2 Diraja, di-hari kedua Istana di-buka kapada orang ramai.

## Lebeh 10 ribu ziarah ka-Istana

Oleh: JAAFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 10,137 orang telah berkunjong ka-Istana Darul Hana bagi menziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta Kerabat2 Diraja yang lain sempena Hari Raya Aidil Fitri tahun ini.

Sa-lama tiga hari Istana di-buka kapada orang ramai, beribu-ribu orang raayat dari semua lapisan masharakat, membanjiri Istana dari pagi hingga petang semata-mata untok menziarah Baginda Yang Dipertuan dan lain2 Kerabat Diraja.

### KENANGAN ABADI

Di-samping dapat bersalaman dan menjamah jemari Baginda Yang Dipertuan, sa-tiap raayat jelata yang berkunjong itu telah menerima sa-keping kad Hari Raya daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang sudah barang tentu akan menjadi kenangan yang manis dan abadi yang mungkin tidak akan dapat di-lupakan dan di-lenyapkan dari ingatan masing2 yang berkesempatan berziarah ka-Istana Darul Hana.

Sementara itu pada Hari Raya yang pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei beserta dengan beribu-ribu raayat jelata telah menunaikan sembahyang Hari Raya dengan penoh takwa semata-mata untok memohon keredzaan kapada Allah s.w.t.

### BERSALAM-SALAMAN

Turut berangkat menunaikan sembahyang Hari Raya pada pagi itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong, telah berangkat ziarah ka-Kubah Makam Diraja, Sabtu lepas.

Turut ziarah bersama2 rombongan Diraja itu ia-lah YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Menteri Besar Brunei, YB Setia Usaha Kerajaan, Pengiran2 Cheteria dan Pehin2.

Sejurus sa-lepas majlis bertahlil selesai, di-ikuti dengan menjirus ayeng asah-asahan yang di-mulakan oleh Kebawah DYMM.

Gambar atas memperlihatkan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan sedang menjiruskan ayeng asah-asahan.

## Tangga-gaji baru dalam kerjaya pasokan AMDB

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei minggu ini telah mengumomkan satu perubahan tangga-gaji baru bagi sa-tiap anggota rekrut yang berminat dalam kerjaya pasokan berkenaan di-samping menerima perubahan gaji pokok berserta alaon permakanan sa-telah menamatkan latehan asas sa-lama 25 minggu.

Perubahan2 tersebut melibatkan anggota2 rekrut yang akan menjalani latehan asas dalam Pasokan Angkatan Laut dan Pasokan Berjalan Kaki Askar Melayu Diraja Brunei.

Bagi tangga-gaji sa-tiap rekrut yang menjalani latehan Angkatan Laut mereka akan menerima gaji latehan dari $433.00 sa-bulan kapada $500.00 sa-bulan.

Manakala sa-telah menamatkan latehan asas dan mereka di-tempatkan di-kapal2 angkatan berkenaan mereka akan menerima salah satu dari tiga gaji pokok yang bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut :

Gaji pokok 'B' — $545.00 di-tambah alaon permakanan $166.00 — jumlah $731.00 sa-bulan.

Gaji pokok 'A' — $656.00 di-tambah alaon permakanan $186.00 — jumlah $751.00 sa-bulan dan,

Gaji pokok 'X' — $625.00 di-tambah alaon permakanan $186.00 — jumlah $811.00 sa-bulan.

Sementara bagi rekrut yang menjalani latehan asas Tentara Berjalan Kaki mereka akan menerima gaji dari $433.00 kapada $500.00 sa-bulan dan sa-telah tamat latehan serta di-tempatkan dalam pasokan berkenaan gaji pokok akan di-terima sa-banyak $545.00 di-tambah aloan permakanan $186.00 — jumlah $731.00 sa-bulan.

Anggota yang berkhidmat di-dalam salah satu pasokan berkenaan ada-lah berhak mendapat penchen sa-lepas 15 tahun perkhidmatan, bagaimana pun mereka boleh melanjutkan perkhidmatan sahingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan masing2.

### Manis-nya Iman

"SESUNGGOH-NYA Allah Ta'ala telah mewajibkan beberapa kewajiban maka jangan-lah kamu chuai2kan. Allah Ta'ala telah menentukan batas2 hukum maka jangan-lah kamu limpasi. Allah Ta'ala telah mengharamkan beberapa perkara maka jangan-lah kamu cherobohi. Allah Ta'ala mendiamkan beberapa perkara bukan kerana lupa tetapi sa-bagai rahmat untok kamu maka jangan-lah kamu mengakas2 memisi2-nya." — HADITH Nabi riwayat Dar Qutni daripada Abu Tha'alabah.

Pelita Brunei

AKBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

20HB OGOS, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## KENANGAN MANIS

## AIDIL FITRI

HARI RAYA telah pun kita tinggalkan sa-minggu yang lalu dengan meninggalkan serba kenangan yang manis2 belaka. Kalau pun ada yang pahit, bilangan-nya di-yakini tidak-lah melebehi yang manis2 itu. Sa-sunggoh-nya, Hari Raya ada-lah hari bahagia dan hari kemenangan dan begitu-lah moral Hari Raya yang biasa-nya di-harapkan. Dalam pada itu, umom mengetahui bahawa kita di-larang dari menyambut-nya dengan chara yang berlebehan dalam segi apa pun dan kita di-suroh bersederhana. Rasa-nya tidak payah di-sentoh lagi tentang berlebehan dan bersederhana itu, kerana ia sudah memadai mengisikan pendengaran dan pembachaan kita dari hidangan2 yang telah di-nekmati melalui saloran2 sibaran 'am. Apa yang menarek ia-lah kesan-nya, terutama-nya yang menyusuri perasaan kita.

Dalam banyak kesan yang tinggal itu ia-lah unsor2 kegembiraan yang tidak saja berligar di-sekitar rasa berkeluarga, berkawan taman, bersahabat handai taulan, bahkan juga bermasharakat dan bernegara. Mengatasi semua itu ia-lah semangat kita beraja dan berpemimpin. Di-negara kita ini telah menjadi satu tradisi yang kukoh bahawa apabila saja tiba-nya Hari Raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, bukan saja selaku Kepala dan Payong Negara, bahkan juga sa-bagai Raja yang lebeh mementingkan ajaran2 Islam, tidak saja bersembahyang Hari Raya bersama2 raayat jelata bahkan juga sedia menghulurkan tangan untok sama2 bersalam-salaman sa-bagai tanda bershukor atas rahmat Allah yang di-limpatkan kapada negara dan isi di-dalam-nya pada tahun ini dan tahun2 sa-belum-nya, dengan mengharapkan pula semoga rahmat dan nekmat-Nya itu akan terus di-kechap pada tahun2 yang akan datang.

Semangat penghormatan dan keta'at-setiaan raayat dan pendudok tidak saja sa-takat bersalaman di-masjid, bahkan ribuan daripada-nya telah mempergunakan peluang2 ke-emasan untok bertukar2 senyum gembira dan eratan tangan salam sejahtera di-Hari Raya apabila Istana Darul Hana di-buka kapada raayat jelata—kechil besar tua dan muda tanpa memileh siapa. Itu-lah semangat Aidil-fitri yang membuahkan kesejahteraan dan kesentosaan. Tahun ini, lebeh dari 10,000 orang raayat dan pendudok negeri ini telah berziarah ka-Istana Darul Hana untok Berhari Raya dengan Baginda dan Kerabat2 Diraja.

Jumlah itu ada-lah melebehi sekitar dua ribu orang berbanding dengan yang Berhari Raya ka-Istana dalam tahun lepas. Ini membayangkan satu tahap kegembiraan yang bernilai tinggi dalam mana sekali gus semua orang dapat mengadap ka-Istana dan bersalam mesra dengan Baginda dan Kerabat2 Diraja. Baginda, di-sertai dengan Paduka2 Adinda Baginda dan Adinda2 Ipar Baginda melayan dengan penoh mesra pada kaum lelaki, sementara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mengepalai Yang Teramat Mulia Puteri2 Diraja melayan kaum perempuan yang mengadap dan menyembahkan uchap Selamat Hari Raya. Sa-bagai satu kenangan yang abadi, sa-tiap yang mengadap di-anugerahi Kad Hari Raya peribadi Baginda dan kad itu merupakan satu anugerah yang menjadi kebanggaan pada sa-tiap yang mengadap itu.

Bagi raayat dan pendudok Negeri Brunei bahawa mengadap ka-Istana Darul Hana itu ada-lah merupakan kemunchak menyambut Hari Raya Aidil-fitri dan sesunggoh-nya maseh ramai lagi yang memendam rasa untok Berhari Raya dengan Baginda di-sebabkan beberapa gundala dan berazam akan menunaikan-nya di-tahun2 yang akan datang, dan ini-lah antara beberapa kelaziman yang merapatkan lagi hubongan Baginda dengan raayat yang Baginda kasehi.

# PADA HEMAT SAYA....

## Mata berpandangan —

# BUDI APA YANG KEDAPATAN?

SAMBIL berjabatan tangan bersalaman ada di-antara yang datang Berhari Raya begitu rengan mulut menguchapkan: "Shukor tah kitani dapat bertemu ani."

Dan ada pula yang sempat mendengar uchapan itu turut menyampok: "Auu. . . . bukan-nya mudah kitani kan bertemu mi-ani ani!"

Mula-nya saya kira uchapan itu sa-takat pemanis mulut. Maalum saja-lah apabila sa-rentak bertemu ramai2 dengan masing2 saling memberi—membalas senyum tentu-lah rengan sekali mulut menguchapkan kata2 bergurau. Ya! Maalum saja-lah di-hari mulia dengan sempena ria, hati dan dada lapang sa-lapang2-nya.

Tapi, apabila bersendirian kemudian-nya (ma'af: selalu-nya waktu di-bilek ayer!) uchapan itu menerUang sa-mula dengan gema-nya yang berjela2 panjang. Saya merasakan ada sa-suatu yang merangsangi-nya bagi menyatakan keikhlasan hati orang yang menguchapkan-nya.

Dan mungkin memang kerana mereka mahu **balurus** saperti juga saya selalu **balurus** kapada mereka.

Uchapan **balurus** demikian memang nyaring terasa gema-nya. Bukan di-telinga tapi di-hati. Lalu perlahan2 saya pun melihat — menilek diri: kira-nya, ya kira-nya ia (yakni diri) telah di-kaburi oleh bayang2 yang entah apa nama-nya sa-hinggakan baru dalam jangka waktu yang sengkat ia sudah kelihatan berjarakan dengan hati budi orang2 yang saya biasa bertukar2 senyum.

Sampai begitu-kah?

* * *

DAN apa begitu juga-kah perasaan orang lain kalau di-beri uchapan sa-demikian?

Apa-kah pula ada orang sa-begitu sudi m e n g u c hapkan-nya kapada semua orang yang bersedia untok melihat — menilek diri masing2 sa-telah barangkali di-kaburi oleh berbagai rupa bentok bayang2.

Mungkin atau tidak mungkin tapi yang nyata-nya tidak semua orang biasa **balurus.** Atau kalau pun biasa **balurus** tapi tidak semua orang dapat di-jangkakan bersedia menerima **sikap balurus** dengan **berfaham lurus** pula.

Itu-lah yang payah-nya.

Sebab itu, bershukor juga-lah saya kira-nya orang yang menguchapkan-nya itu dengan lurus hati.

Tinggal lagi, apa benar-kah saya (dan mana2 orang yang saperti saya) telah di-kaburi oleh bayang2 sa-hingga tidak dapat di-lihat dengan jelas?

Apabila di-timbang2 terasa pula orang yang mahu melihat dengan jelas itu ada kala-nya tidak terlebeh dahulu jelas dengan pemerhatian-nya.

Mithal kata saja: saperti orang menunton ranchangan siaran talivishen di-sebelah petang dengan semua langsir jendela terselak, chahaya dari luar masok memanchar kakacha TV lalu mengkaburkan penglihatan.

Dalam keadaan demikian itu tentu-lah bukan salah peti TV. Dan bukan juga silap tekan mana2 punat saloran-nya. Yang nyata ia-lah orang yang menunton terlupa menutop langsir jendela bagi menahan chahaya luar.

Ya! Chahaya luar-lah rupa-nya yang mengkaburkan sedang gambar ranchangan yang di-tunton sa-benar-nya terang dan jelas . . . .

* * *

DALAM pada itu, yakni dalam pada pemerhatian tidak jelas kerana puncha2 luaran saperti itu, maseh dapat pula di-mengerti kalau juga orang mahu **balurus** menguchapkan isi hati-nya dengan ikhlas kapada orang yang ia biasa saling sama memberi — membalas senyum.

Dapat di-mengerti sekurang2-nya ia sedia menaroh minat dan perhatian — dan yang penting lagi ia-lah di-perchayai menaroh harapan.

Soal harapan yang di-taroh ini-lah membuat orang sedaya upaya chuba menyatakan-nya dengan berbagai2 chara.

Menguchapkan-nya dengan kata2 saperti yang di-uchapkan kapada saya tadi itu pun satu chara.

Dan tidak menguchapkan-nya pun boleh di-katakan satu chara juga.

Chuma sayang-nya apabila ia di-nyatakan melalui apa jua chara uchapan tidak mudah orang akan mengesan **yang benar-nya.** Yang senang di-kesan ia-lah **yang salah-nya.** Itu bukan kerana apa, chuma maalum saja-lah antara lidah yang menguchapkan dengan telinga yang mendengar ada jarak dan ruang . . . . . !

* * *

MUJOR-NYA (Ya! Mujor-nya . . .) sa-waktu Berhari Raya kita berkesempatan saling bertemu muka dalam suasana ria dengan berlapang dada.

Bila bersemuka begitu, mata pun berpandangan. Maka kata orang: budi pun kedapatan.

Tapi budi apa yang kedapatan itu?

Kalau memang-nya-lah kita ini biasa bermanis bermasam rasa (Ma'af: bukan bermanis bermasam muka!) yang pelek-nya pada sa'at2 bertemu di-Hari Raya itu yang manis2 saja terasa.

Apa itu-kah sa-benar-nya budi kita?

Hendak-nya ya, dan hendak-nya tidak budi sa-takat budi tapi menjadi juga budi bichara.—*Ketua Pegawai Penerangan.*

**"....chahaya luar-lah rupa-nya yang mengkaburkan sedang gambar ranchangan yang di-tunton sa-benar-nya terang dan jelas"**

# BRUNEI CELEBRATES HARI RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — With the new moon of Shawal in the Moslem calendar sighted on Monday evening last week, Brunei began the Hari Raya Puasa celebrations the next day.

As usual Moslems who had just completed a month's fasting started the first day of Hari Raya with the traditional prayers in mosques and suraus throughout the State.

His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah and some members of the Royal Family were among the thousands of Moslems who performed the prayers at the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque here.

To enable members of the public to wish Their Highnesses the Sultan and the Raja Isteri and members of the Royal Family 'Selamat Hari Raya', the Istana Darul Hana was open for this purpose from 10.00 a.m. to 12.00 noon and from 2.00 p.m. to 4.00 p.m. for three days commencing on Wednesday, the second day of Hari Raya.

On the first day alone more than three thousand people from all walks of life and nationalities streamed to the Istana to exchange Hari Raya greetings with Their Highnesses and the Royal Family.

By the third day a total of 10,141 people visited the Istana.

His Excellency the British High Commissioner, Mr. Arthur Watson and his wife went to the Istana on the eve of Hari Raya.

Mr. Watson on that evening also appeared on television to read his Hari Raya message, the full text of which is published below.

It gives me great pleasure once again to broadcast a message of greetings for Hari Raya Puasa this year on behalf of the British Community in Brunei, my wife and myself. We extend our best wishes and goodwill on the occasion to His Highness The Sultan, His Highness The Seri Begawan Sultan and the Royal family of Brunei, and to all the people in Brunei who will be celebrating this festival with their families. This time, especially set aside for rejoicing and the renewal of the ties that join family and friends at Hari Raya Puasa, is appropriate also for a renewal of the ties of fellowship between communities. I am happy to play my part by recalling the friendship extended to my fellow countrymen and myself by the people of Brunei.

May I also include in my greetings sympathy to those whose Hari Raya celebrations will be clouded, perhaps through the absence of members of their families, bereavement, sickness or other adversity, and hope for an early reunion or recovery.

I close by wishing you all my best wishes for the season of Hari Raya Puasa.



His Highness the Sultan and Yang Dipertuan and his two younger brothers greet the well-wishers at the Palace on the second day of Hari Raya (above).

DYTM Paduka Seri Begawan being greeted outside the mosque after the prayer of the first day's Hari Raya.



## Six shophouses on fire

By SHADOON LAMZI

BANDAR SERI BEGAWAN. — The public played an important role in preventing fire from destroying their properties and most important of all, from threatening their lives.

Voicing his concern over the increasing numbers of houses and buildings being destroyed by fire since early this year, was the Controller of the Fire Brigade, Mr Douglas Faulkner, when contacted by PELITA last week.

In the recent incident which occurred in Sengkurong fire completely gutted a block of 6 shophouses causing the damage of thousands of dollars. Luckily, every occupant of the building escaped unhurt.

Firefighters, according to Mr Faulkner, rushed to the scene soon after they were notified by the Sengkurong police station. "I think there is something wrong with the telephone line in the area. We don't receive any call from the public and the police have to use radio in order to contact us, and by the time we arrive, blaze has already swept a big portion of the building," added Mr Faulkner.

The blaze which started at 6.30 am on Wednesday also destroyed a new car and until early this week, investigation is still carried out into the cause of the fire.

"Our study reveals that the fire is ignited by the burning rubbish too close to a building, short circuit, gas leaking from cylinders and many other reasons which can be avoided if people are careful enough," said Mr Faulkner.

The worst incident happened was a boy died last year burnt to death when fire destroyed his parent's apartment here.

Fire is a very good friend of ours, but everybody should realise that it is also an enemy and the public should take every precaution against it.

The Controller gave the following precautions for the public:-

* To avoid burning rubbish very close to a house or building.

* To make sure that gas cylinder is properly fixed. Turn it off after using. Use proper pipe to prevent the gas from leaking.

* Electricity-consumers should report to the Electrical Department as soon as they detect any fault. Interfering with anything in connection with electrical wiring is dangerous and is a risk.

Another fire incident destroyed a house in Kampong Ayer on the eve of Hari Raya. Firemen from here managed to prevent it from spreading and the four members of the family of Awang Hassan bin Said, escaped unhurt.

## Seismic survey in KB

SERIA. — The Government has given the green light to the Brunei Shell Petroleum Company to carry out a seismic survey in the Kuala Belait urban areas.

The Company last week invited some twenty Government officials, including the Acting Belait District Officer, Pengiran Idriss Ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammed Piut to a briefing session held at its Trade Relations Centre here.

The Company's Exploration Manager, Mr. Dick Knaap and Chief Geophysicist, Mr. Tom Duerst explained to those present what will be happening in their district's urban areas during the survey which in the past had mainly been conducted in dense jungles.

Brunei Shell, they were told, will be using special techniques which will have minimal risks of damages to the housing and utilities.

This was demonstrated at a site within the Company's housing area after the briefings.

## *International youth culture tour*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Five members of the State Youth Council are now in Taiwan to represent Brunei in the two-week International Youth Culture and Recreation Tour there.

The tour which commenced on Saturday is sponsored by the China Youth Corps and is scheduled to end on 30th August.

It is aimed at enriching knowledge of the history, culture, custom, traditions of the Republic of China to acquaint visitors with the country's political, economic, and social progress.

Secondly the tour is meant for exchanging ideas and experience related to youth activities in different countries and also to strengthen international friendship and cooperation among youths.

The state delegation is led by Awang Azahari bin Md. Ali and it is the third time for Brunei to take part in such tour.

During the tour a forum will also be held, the theme of which will be "The Unity and Cooperation among International Youths."

During their stay in the Republic, the representatives will also visit the government agencies and Chinese historical artifacts and national construction projects.

The state's delegation is expected to return home on August 29.

## Orphans celebrates Hari Raya

KAMPONG SABA. — The orphans in the Kampong Saba in the Brunei-Muara District celebrated the Hari Raya on Friday afternoon.

A party was held for them at the Pengiran Anak Saleha Religious School hall.

It was organised by the Perkasa Youth Association of the village.

The Chairman of the District's Orphanage Fund, Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, presented donations in cash to these less fortunate children.

Dikir and nashid presentations were among the programmes at the ceremony.

Meanwhile, about 200 orphans in the Belait District also attended a party celebrating the big day.

The function, held on Sunday, was organized by the Pertiwi Association in the district.

The celebration, held at about 2 pm, took place at the residence of Hj Malai Mashor in Seria.

## Petrol prices increased

BANDAR SERI BEGAWAN. — The petrol prices were increased as from Sunday midnight.

A government statement says that the new price for Super is $2 a gallon, Regular is at $1.50 a gallon and Diesel, $1.20.

But, the price of kerosine remains unchanged, i.e. 90 cent per gallon.

## Agricultural show

KILANAS. — The 1980 Agricultural Exhibition will be held at the Agriculture Station here on August 31.

A spokesman for the organising committee said that all vegetables and other perishable items to be entered for the exhibition should be taken to the venue between 7.30 a.m. and 8.00 p.m. on August 30.

The spokesman said farmers who require transportation should get in touch with their nearest agricultural station.

## Forty cops to visit Kuching

BANDAR SERI BEGAWAN. — A group of forty officers of the Royal Brunei Police is due to pay a visit to Kuching on the invitation of the Sarawak Police.

The officers who will be led by the Police Commissioner, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid will leave the country on Friday.

During their stay in Kuching, they will hold friendly golf, badminton, football and sepak takraw matches against their Sarawak counterparts.

Meanwhile, four students from schools in the Belait District last week left the state for Singapore to attend a three-week course at the Outward Bound school there.

The students are Azlan Zakaria from St Margaret's School, Yong Him Foo from Chung Ching Middle School and Sukeimi Ahmad Hassan and Rosli Madaras from the Ahmad Tajuddin Secondary Malay School.

Their trip is sponsored by the Belait Rotary Club.

Meanwhile, a total of thirteen cadets from the Royal Brunei Malay Regiment have also left for the country for similar course.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

# WIRID2 SEMBAHYANG

## Siri ke-41

AL-QUR'ANUL Karim menerangkan bahawa ugama Islam telah chukop sempurna dan tiada-lah boleh di-tokok tambah, di-kurang atau di-pinda lagi.

Sa-bagai chontoh menolak wirid2 dalam sembahyang dan wirid2 lepas sembahyang ada-lah kufur, kerana wirid2 sembahyang itu ia-lah sunnah atau hadith Rasulullah, menolak sunnah Rasulullah ada-lah kufur sa-bagaimana kata para ulama.

Wirid2 sembahyang atau zikir sembahyang telah thabit ada-nya dalam Islam, kerana ia telah di-riwayatkan oleh ulama2 dalam kitab2 hadith dan kitab2 zikir.

### HADITH SAHIH

Al-Imam An-Nawawi (meninggal pada tahun 676 H.) terkenal dalam mazhab Ash-Shafie dan ter-kenal di-kalangan ulama hadith dan ulama Islam, telah menyebut dalam ki-tab Al-Azkar Al-Mun-takhabah Min Kalami Syyedil Abrar (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) yakni zikir dan wirid2 Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassal-lam) yang telah di-petek-nya dari kitab hadith sahih Al-Bokhari, Sahih Muslim, Sunan2 Abi Daud, At-Tirmizi, An-Nasa'i dan sedikit dari lain2 kitab hadith. Kata-nya "Hadith2 itu sa-ma ada ia Sahih atau Has-san atau Dhaif atau Mung-kar. Ghalib-nya saya se-butkan Hadith Sahih supa-ya kitab saya ini dapat di-i'timadkan."

Jika ada orang Islam yang berani membatalkan hukum2 dalam ugama Is-lam saperti hukum wirid sembahyang yang thabit daripada Rasulullah (Sal-lallahu 'Alaihi Wassallam) maka kita sukachita di-sini menegaskan bahawa sem-bahyang fardhu yang lima itu ada-lah ibadat yang nyata di-lakukan sa-chara beramai2 dan di-kerjakan oleh Rasulullah dan saha-bat dan orang2 Islam tiap2 hari (lima kali sa-hari sa-malam) di-hadapan ramai dalam masjid mahu pun di-rumah2. Oleh yang demi-kian itu, menurut ulama2 Islam barangsiapa engkar-kan hukum2 sembahyang yang lima waktu itu dan rukun2-nya saperti ruku' dan sujud, bilangan rakaat-nya dan lain2 sa-umpama-nya ada-lah orang kafir dan murtad (keluar dari Is-lam).

Begitu juga wirid sem-bahyang yang di-kerjakan oleh Rasulullah dan saha-bat2 itu ada-lah saperti hukum2 sembahyang kera-na ia thabit dan nyata di-ketahui oleh seluroh umat Islam, ia di-amalkan sa-chara beramai2 dalam mas-jid, di-rumah2 dan lain2 tempat.

### ZIKIR SA-LEPAS SEMBAHYANG

Syedina Abdullah bin Abbas (Radhiallahu 'An-huma) meriwayatkan "ba-hawa pada masa saya ma-seh kechil dahulu saya me-lihat dan ketahui orang2 Islam selesai dari sembah-yang mereka ia-lah sa-telah saya dengar mereka berzikir".

Riwayat Syedina Abdul-lah bin Abbas (Radhialla-hu 'Anhuma) itu, telah di-riwayatkan pula oleh Al-Imam2 Al-Bokhari dan Muslim (dalam kitab As-Sahih bagi kedua-nya).

Al-Imam An-Nawawi da-lam kitab Al-Azkar dalam perkara zikir2 sa-lepas sem-bahyang fardhu, ia menga-takan "telah ijma' ulama Islam (sa-kata) bahawa sunat (istihbab) berzikir sa-lepas selesai sembah-yang". Banyak Hadith2 Sahih dalam perkara itu sa-bahagian besar-nya ada di-sebutkan dalam Al-Az-kar itu.

Menurut ulama Islam: "Mengengkari perkara2 yang thabit ada-nya di-dalam Islam ada-lah kufur dan murtad (keluar dari ugama Islam). Dengan yang demikian zikir lepas selesai sembahyang fardhu itu ada-lah thabit ada-nya dalam shara' Islam".

### PERKARA IJMA'

Al-Allamah Ibnu Hazam penganjor Mazhab Az-Za-hiriah pula berkata : "Per-kara Ijma' merupakan sua-tu kaedah dari kaedah atau asas ugama Islam atau yang di-sebutkan juga dengan Al-Millatul-Al-Hanifiah. Ij-ma' ia-lah salah satu dari tempat mereka merujok, berpegang, (kira-nya ber-laku sa-suatu keraguan). Dan ada-lah menjadi kufur barangsiapa melawan dan menyalahi-nya (Al-Ijma'), apabila telah di-dirikan hujjah dan dalil ka-atas-nya bahawa sa-suatu itu Ijma'."

Dari kata2 ulama saperti di-atas ini, jelas-lah bagai-mana jauh dan mendalam-nya sesat dan batil-nya per-buatan sa-tengah orang2 yang chuba membatalkan zikir lepas sembahyang yang telah thabit dalam hadith2 yang Sahih dan Ijma'. Orang2 saperti itu boleh di-anggap 'muruq' yang membawa keluar dari Islam.

Bagaimana-kah sa-se-orang Islam berani mem-batalkan zikir2 yang di-bacha sa-lepas takbiratul Al-Ihram? Zikir dalam ruku'? Zikir2 dalam ber-diri dari ruku'? Zikir da-lam i'tidal? Zikir2 dalam sujud? Zikir2 dalam qunut subuh? Zikir2 dalam ta-hayyat? Salawat lepas ta-hayyat? Dan doa2 lepas tahayyat akhir sa-belum memberi salam, sedangkan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) sendiri telah mengerjakan-nya be-gitu juga Rasulullah sendiri telah menyuroh sahabat2 membacha dan melakukan-nya.

### MENGUBAH HUKUM

Berma'ana di-sini kalau sa-seorang itu boleh mem-batalkan wirid2 sembah-yang2 maka boleh pula ia membatalkan dan mengha-puskan sembahyang2 far-dhu dan sembahyang2 sunnah, kalau begitu tiada-lah wajib kita mengerja-kan sembahyang. Dengan itu boleh di-ubah2 dan di-pinda akan apa jua hukum2 Islam bahkan ugama Is-lam itu sendiri, sa-siapa melakukan saperti itu ber-erti-lah ia telah dan keluar dari Islam, maka orang2 saperti itu wajib-lah di-perangi dan di-basmikan sa-bagaimana sahabat2 me-merangi orang2 yang mur-tad pada zaman Syedina Abu Bakar (Radhiallahu Anhum), Al-Imam Al-Gha-zali dan Al-Imam Ibnu Hajar turut mengatakan bahawa orang saperti itu wajib di-tentang dan di-perangi.

Sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) banyak sekali me-riwayatkan zikir2 sa-lepas sembahyang atau zikir dan bachaan yang mengiringi sembahyang daripada Ra-sulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Dalam istilah shara', banyak-nya riwayat daripada sahabat2 dalam satu perkara itu di-sebut sa-bagai Mutawatir atau Ijma'.

Al-Imam An-Nawawi te-lah menyebutkan kira2 18 orang sahabat yang meri-wayatkan hadith2 berkena-an zikir lepas sembahyang, hadith2 tersebut ada dalam sahih2 Al-Bokhari dan Muslim, dalam Sunan At-Tirmizi, Abi Daud, An-Nasa'i, Musnad Al-Imam Ahmad, Sunan Ibnu Ma-jah dan lain2.

Al-Imam An-Nawawi ju-ga menerangkan zikir2 yang elok di-bacha pada waktu pagi dan petang ia-itu berdasarkan ayat2 Al-Kor'an yang menyuroh orang2 Islam berzikir pada waktu pagi dan petang, be-gitu juga ada-nya hadith2 Rasulullah yang mengga-lakkan berbuat demikian.

### KESIMPULAN

Dari keterangan yang ki-ta sebutkan di-atas tadi thabit-lah bahawa Rasulul-lah (Sallallahu 'Alaihi Was-sallam) sahabat2 Baginda dan umat Islam telah ber-amal dengan zikir2 itu (zi-kir2 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Jadi orang yang menolak akan apa2 yang thabit dalam Islam saperti ayat2 Al-Kor'an dan Hadith muta-watir dalam zikir itu ada-lah keluar dari Islam dan kufur kerana ia mendusta-kan Al-Kor'an dan Hadith Mutawatir.

*WALLAHU A'ALAM*

### PERHATIAN

AYAT Kor'an Surah Ali 'Emran ayat 112 dan lafaz takbir Hari Raya yang ter-siar dalam ruangan muka 4 minggu lepas hendak-lah di-betulkan saperti ber-ikut :

ضربت عليهم الذلة اين ما
ثقفوا الا بحبل من الله وحبل
من الناس وباءوا بغضب من
الله وضربت عليهم المسكنة

(ال عمران ١١٢)

الله اكبر كبيرا والحمدلله كثيرا
وسبحان الله بكرة واصيلا لا
اله الا الله وحده صدق وعده
ونصر عبده واعز جنده وهزم
الاحزاب وحده لا اله الا الله
ولا نعبد الا اياه مخلصين له
الدين ولوكره الكافرون.




# PUASA ENAM DI-BULAN SHAWAL

WALAUPUN Hari Raya puasa itu hanya sa-hari sahaja ia-itu pada 1hb. Shawal menurut ketentuan hukum Islam, tetapi kita umat Islam di-negeri ini sudah menjadi kebiasaan merayakan-nya hingga beberapa hari, dan pada hari ini kita maseh seobk Berhari Raya dalam suasana yang gembira, dan kegembiraan kita rasa-nya agak bertambah pada tahun ini kerana rezeki kita bertambah dengan adanya kenaikan gaji dan apa jua yang berhubong dengan-nya sa-bagaimana yang telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan negeri kita dan di-umomkan oleh yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bulan Ramadhan yang penoh berkat.

Sambil kita menekmati nekmat2 dan kelebehan2 tersebut maka dalam bulan Shawal ini kita di-anjurkan oleh ugama kita supaya menchari dan menuntut kelebehan untok kehidupan akhirat ia-itu dengan mengerjakan puasa sunat yang di-sebut sa-bagai puasa enam.

Sa-buah hadith daripada Abi Hurairah dan Abi Ayub r.a. ada menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: yang bermaksud: *"Barang siapa berpuasa sa-panjang bulan Ramadhan kemudian di-ikuti-nya dengan puasa enam hari dari bulan Shawal neschaya jadi-lah ia saperti berpuasa sa-panjang tahun"*.

Sabda Baginda dalam hadith yang lain pula, yang bermaksud: *"Sesunggoh-nya Allah telah menjadikan segala langit dan bumi dalam enam hari dari bulan Shawal, maka barangsiapa yang berpuasa pada enam hari itu neschaya Allah tuliskan bagi-nya dengan bilangan sa-tiap makhlok-nya dengan satu kebaikan dan di-hapuskan bagi-nya segala kejahatan-nya dan di-tinggikan darjat2-nya."*

Daripada Abi Umar r.a. kata-nya telah bersabda a.s. yang bermaksud: *"Barangsiapa yag puasa Ramadhan kemudian di-ikuti-nya berpuasa enam hari dari bulan Shawal neschaya keluar-lah ia dari dosa2-nya (di-hapuskan segala dosa2-nya) sa-umpama di-hari ia di-lahirkan oleh ibu-nya"*.

Demikian-lah besar-nya fadhilat dan kelebehan serta pahala mengerjakan puasa sunat enam hari dalam bulan Shawal ini. Adapun rahsia di-shari'at-kan puasa enam itu menurut sa-tengah ulama ia-lah bagi mempastikan keadaan jiwa dalam keadaan sa-waktu berpuasa di-dalam bulan Ramadhan dan tiada terjejas oleh perbuatan2 sa-waktu memenohkan apa jua keinginan sa-masa Berhari Raya.

Pendek-nya puasa enam itu amat besar faedah-nya bagi mengekalkan ketakwaan kita dan bagi mendapatkan pahala yang besar daripada Allah s.w.t.

Maka sambil kita bershukor ka-hadhrat Allah Ta'ala di-atas segala limpah kornia dan rahmat-Nya dan menyembahkan uchapan sa-tinggi2 menjunjong kaseh kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-atas kornia dan perkenan bagi menaikkan gaji pegawai2 dan kakitangan kerajaan, maka mari-lah kita dzahirkan rasa keshukoran kita itu dalam bentok mengerjakan ibadat puasa sunat enam hari dalam bulan Shawal ini. Mudah-mudahan dengan jalan demikian kita akan termasok sa-bagai orang yang di-sifatkan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud *"Jika kamu bershukor kapada Allah di-atas segala nekmat Ku neschaya Aku pasti tambahkan lagi kapada kamu nekmat2 Ku itu"*.



PEKERJA2 Sharikat Ocean Inchcape (Brunei) telah menderma $218.00 kapada tabong anak2 yatim Daerah Brunei-Muara.

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain oleh wakil sharikat itu, Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Ghani (gambar atas).

# Hari Raya, hari kemenangan bagi umat Islam

## O *Bingkisan minggu ini*

KITA bershukor keha-dzarat Allah kerana dengan limpah dan kornia-Nya kita sekali lagi dapat bersama2 menyambut dan bergembira di-Hari Raya. Ini-lah hari kemenangan bagi umat Islam semua, sa-telah sa-bulan menunaikan kewajipan berpuasa. Ini memang-nya wajar, sebab kita telah berjaya menempoh ujian dan dugaan Allah s.w.t., berjaya membersehkan diri dari saki baki kesalahan dan kesilapan yang tidak di-kehendaki, dan berjaya mempertegoh iman dan amalan, sesuai dengan peduman hidup yang terkandong di-dalam Al-Kor'an. Ini-lah ganjaran nyata yang di-terima sa-telah kita menunaikan ibadat puasa dengan sempurna.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud kira2: "Bagi orang2 yang berpuasa (dengan jujor dan sempurna) tersedia dua ganjaran kesukaan. Ganjaran pertama, ketika berbuka dan Berhari Raya, manakala ganjaran kedua ia-lah ketika di-pertemukan mereka itu dengan Tuhan-nya (di-akhirat).

Aidil Fitri ada-lah berupa ganjaran yang nampak. Sebab itu-lah kita sepatut-nya mempergunakan-nya dengan sewajar-nya. Apa yang selalu kita nampak, di-awal2 pagi 1hb. Shawal ia-lah kaum Muslimin telah mula melangkahkan kaki menuju masjid2 atau pun surau2, sama2 mempunyai tujuan dan tekad yang sama. Ini-lah langkah pertama yang di-anjurkan oleh Islam supaya kita membuat-nya, di-samping membanyakkan takbir dan tahmid. Adapun tujuan-nya ia-lah untok menandakan keshukoran kita kapada Allah s.w.t. di-atas nekmat2 yang telah di-kornia-kan-Nya pada masa kini dan di-masa2 yang akan datang. Di-samping itu banyak lagi perkara2 yang patut untok kita lakukan di-hari baik dan bulan baik ini. Bermaaf2an mithalan-nya, ada-lah suatu kebiasaan yang patut untok di-amalkan. Ziarah menziarahi juga suatu sikap yang patut di-kekalkan kerana ia akan mengeratkan hubongan kita antara satu dengan yang lain. Ini-lah antara perkara-perkara yang selalu di-lakukan dalam masa Hari Raya.

Ada setengah2 manusia berpendapat bahawa Hari Raya ada-lah masa untok melepaskan segala2-nya sebab mereka menganggap dalam masa puasa mereka telah 'terkongkong'. Ekoran dari itu-lah mereka ingin berbuat sesuka hati dengan mengikut hawa nafsu dan perasaan saja. Pada hal anggapan ini ada-lah salah. Sebenar-nya segala amalan2 yang di-lakukan dalam bulan puasa itu ada-lah bertujuan untok mendidek, mengasoh, dan mengawal kita supaya menjadi orang2 yang berguna. Dengan itu baru-lah kita menchapai apa2 yang di-idam2kan. Dan sa-lepas itu kita di-suroh bergembira Berhari Raya. Jadi-nya, apa-kah kita beranggapan, bahawa bulan Ramadhan saja-lah tempat untok mengongkong kehendak2 yang tidak di-ingini, sementara di-bulan2 yang lain kita boleh buat sesuka hati? Anggapan ini juga salah. Bulan puasa ada-lah bulan latehan, Hari Raya ada-lah hari tamat latehan. Dan sa-telah tamat latehan kita praktikkan pula apa2 yang telah di-pelajari di-musim puasa itu.

Berbalek kapada chara menyambut Hari Raya yang sebaik2-nya, di-samping apa2 yang telah di-perkatakan tadi, kita mesti-lah juga mengawasi tentang chara2 kita merayakan-nya. Dan jangan-lah pula sampai kita menyelewengkan akan maksud2 dan tujuan2 Berhari Raya itu. Suatu perkara yang nyata tentang perkara ini ia-lah ada-nya setengah-setengah pehak hidangkan minuman-minuman yang memabokkan. Di-samping itu kita juga akan mendapati setengah2 pehak menyambut Hari Raya dengan mengadakan majlis2 pati. Sebenar-nya ini-lah penyelewengan2 yang ketara. Walaupun Hari Raya ada-lah berupa hari kegembiraan, tapi jangan-lah sampai bertentangan dengan unsor2 keislaman. Biar-lah sambutan yang kita adakan itu berpadanan dan amat sederhana saja yang bersesuaian dengan ajaran Islam.

Ini-lah hari kegembiraan bagi membalas ketabahan dan keupayaan kita menunaikan ibadat puasa dengan sempurna. Di-samping balasan2 yang nampak ini, kita juga akan menerima pembalasan yang baik nanti dari Allah s.w.t. di-akhirat. Dari sini dapat-lah kita mengatakan bahawa kita mendapat keuntongan di-dunia dan di-akhirat bila menunaikan kewajipan berpuasa. Apa yang di-harapkan biar-lah kegembiraan itu di-sambut dengan sederhana menurut kemampuan dan keupayaan kita masing2, tetapi penoh keshukoran dan mudah2an kita di-panjangkan umor untok berjumpa lagi di-tahun hadapan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb Ogos, 1980 hingga ka-hari Selasa 26hb Ogos, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 20hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.37 | 7.48 | 4.43 | 4.57 | 6.15 |
| 21hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 22hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 23hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 24hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 25hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 26hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari





LEBEH 10,000 orang raayat dan pendudok dari berbagai kaum di-negeri ini telah berkunjong ka-Istana Darul Hana untok menyembahkan uchap Selamat Hari Raya kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan lain2 Kerabat Diraja.

Istana Darul Hana telah di-buka kapada orang ramai sa-lama tiga hari mulai Hari Raya kedua.

Pada malam Hari Raya pula, pembesar2 negara termasok Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson telah berkunjong ka-Istana untok menyembahkan uchapan Selamat Hari Raya kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan lain2 Kerabat Diraja (gambar atas kiri).

Gambar2 atas dan kanan kelihatan orang ramai junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan sa-telah selesai menunaikan sembahyang Hari Raya.

Sementara lain2 gambar kelihatan orang ramai ketika berkunjong ka-Istana untok menyembahkan uchap Selamat Hari Raya.









# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 20HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD — "The Apeman"
5.30 JANA OF THE JUNGLE (New series)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY
6.30 DR WHO — "Robots of Death"
Doktor Who telah bersetuju menerima Leela sa-bagai teman-nya. Sa-telah mereka mendarat di-Tradis, satu kejadian pembunohan yang ngeri telah berlaku, dan mereka di-tudoh melakukan kejadian itu. Apabila saja Doktor chuba untok menyelesaikan mistri itu, sand-miner di-rosakkan, dan robot yang di-ranchangkan bukan untok menchederakan manusia, telah berpaling tadah terhadap mereka.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 DR. WHO — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
7.48 AZAN ISHA
7.52 MISADVENTURES OF SHERIFF — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 WAR YEARS
9.40 MID-WEEK MOVIE — "Breaking Up"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 21HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FACTS ARE THESE
6.20 MARI SEMBAHYANG
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SPIDERMAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BEGGARMAN THIEF
7.46 AZAN ISHA
7.50 BEGGARMAN THIEF — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 DOCUMENTARY — BBC "Airport"
Melihat lebeh dekat terhadap orang2 yang bertanggong-jawab mengendalikan lapan ratus buah kapal terbang mendarat dan meninggalkan Lapangan Terbang Heathrow sa-tiap hari; orang yang menerbangkan mereka, memberi makan, melayan, membersehkan dan melindongi mereka dari rampasan dan malapetaka.
10.20 GARRISON'S GORILLAS
11.10 WRESTLING
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 22HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
4.55 SAYANG ADEK KU SAYANG
5.35 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 HECKLE AND JECKLE
6.26 THE MUPPETS — "Andy Williams"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GENERATION GAME
7.46 AZAN ISHA
7.50 GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WARISAN
9.00 DICK EMERY
9.30 US OPEN GOLF 1980
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 23HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 WACKY RACES
6.30 BEWITCHED — "Serena Stops the Show"
Siri Bewitched kali ini mempaparkan satu lagi di-mana Darrin hilang pekerjaan.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS
7.46 AZAN ISHA
7.50 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERTANDINGAN AKHIR BINTANG KECHIL (Siaran langsong)
10.00 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 24HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 PLAYBOX
5.00 HOW (Siri baru)
5.30 JABBERJAW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Darkness is My Friend"
Charles Ingalls berjuang untok menyelamatkan anak perempuan-nya yang telah di-tahan sa-bagai tebusan oleh tiga orang banduan yang lari.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LAST CONVERTIBLE
7.46 AZAN ISHA
7.50 THE LAST CONVERTIBLE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 POT BLACK 1980
9.00 PUSPARAMA
9.50 CRIBB — "Something Old"
Daphne, Dennis dan emak mereka adalah di-satu keturunan yang sama. Perempuan2 itu chuba untok menchari dan berkahwin dengan sa-orang lelaki tua dan memberikan-nya bantuan untok membunoh lelaki itu, dengan memberi soup yang di-buboh rachun. Mangsa2 yang tua tidak-lah begitu mewah untok kematian mereka bagi menyokong sebarang tudohan, tetapi boleh-lah meninggalkan balu2 mereka dengan chara hidup yang sederhana. Tetapi bila Henry Russel bertunang dengan Daphne, dia memerentahkan supaya Constable Thackery menjadi pengapit-nya. Dan tidak berapa lama sa-lepas itu Sergent Cribb mula membuat sangkaan2.
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Skin"
Beberapa tahun sa-belum soutine, gambar-nya di-pamerkan oleh sa-orang pelukis yang terkenal maseh muda dan belum di-kenali ramai. Sekarang dia sudah tua, dan papa Drioli tiba2 membuat satu rayuan yang boleh membuat-nya menjadi sa-orang kaya. Tetapi dia menghadapi beberapa masaalah.
11.20 SIARAN TAMAT.



PELAKUN2 yang menjayakan siri "The Contender". (Dari kiri ka-kanan) Tina Andrews, Moses Gunn, Alan Stock dan Marc Singer.

## ISNIN — 25HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BIG BLUE MARBLE
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KATY
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 KATY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.46 AZAN ISHA
7.50 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MINDER
9.40 LIVE AT THE FORUM
10.30 DANGER UXB — "17-Second to Glory"
Dengan pertolongan tentera laut, Brian terpaksa mengetahui chara2 mengendalikan dengan periok2 api. Susie berchadang untok mencheraikan Steven dan berkahwin dengan Brian.
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 26HB OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN/DOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BATTLE OF THE PLANETS
5.30 BENGKEL KANAK2
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASTAWAY
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE CONTENDER
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE CONTENDER — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GAMBUS
9.10 BIG MOVIE — "McArthur"
Starring: Gregory Peck, Nicolas Coster, Russell Johnson, Ward Costello, Dan O'Herlihy, Ivan Bonar.
11.10 TYCOON
12.00 SIARAN TAMAT.

# intisari RTB minggu ini

PERSIAPAN2 terakhir telah pun di-buat bagi Peraduan Bintang Kechil Radio yang akan di-adakan di-Dewan Raya RTB pada hari Sabtu 23hb Ogos ini.

Sa-bagai persiapan menghadapi peraduan itu, peserta2 yang terpileh ka-perengkat akhir telah menjalani beberapa latehan awal di-bawah pimpinan Pengarah Muzik RTB Awang Abdullah Ahmad.

Gambar kanan kelihatan empat orang peserta ka-perengkat akhir (dari kiri) Dk Faridah bte Pg Ibrahim, Ak Sufian bin Pg Anak Hashim, Dk Norleha bte Pg Mahari dan Lelawati bte POKLW Dato Paduka Md Salleh ketika menjalani latehan di-Studio B sementara gambar bawah pula kelihatan Awang Abdullah sedang mengambil nada suara salah sa-orang dari peserta ka-perengkat akhir dengan di-perhatikan oleh Awang Idris Anuar.

Sa-ramai 12 orang peserta akan bertanding merebut kejohanan Bintang Kechil kali ketiga yang akan di-siarkan sa-chara langsong melalui radio dan talivishen.







GAWAI ia-lah hari kebesaran bagi masharakat Iban. Ia-nya di-sambut sa-tahun sekali di-Rumah Panjang sa-lepas menuai padi sa-bagai menandakan keshukoran atas penghasilan dan usaha2 gigih yang mereka kerjakan.

Di-dalam keperchayaan masharakat Iban, Gawai Batu di-hajati untok memuja semangat dan memupok kuasa sa-biji batu yang menjadi tangkal azimat untok mengusir hantu jambang dari mengganggu kerja2 bertanam padi.

Temasha gawai ini juga di-serikan dengan tarian2 Ngajat, upachara Miring dan lain2 kegiatan.

Talivishen Brunei melalui Ranchangan Dokumentari akan meninjau sa-bahagian dari usaha2 yang di-buat oleh pendudok2 Masharakat Iban di-Rumah Panjang Melilas ulu Belait.





GAMBAR atas kiri kelihatan salah satu adigan dari filem "McArthur" yang akan dapat awda saksikan dalam ranchangan Big Movie pada hari Selasa jam 9.10 malam.

Gambar atas kanan pula kelihatan Ak Azhari bin Pg Haji Damit sedang di-temuramah oleh Aida Jamalia, penyanyi dari Singapura — dalam ranchangan Aida Jamalia Show's. Ranchangan tersebut telah pun di-siarkan pada Hari Raya Ketiga jam 9.15 pagi.

Gambar kanan: Jean Simmons yang berlakun sa-bagai Gretchen dan Glenn Ford berlakun sa-bagai David Donnelly dalam episod terakhir dari siri BEGGARMAN THIEF. Siri ini akan dapat awda saksikan pada malam esok jam 7.15 malam.

Gambar kiri: Sharon Gless, Michael Nouri, Edward Albert dan Perry King dalam siri "The Last Convertible".







GAM... sedan... Mahk... berte... taan... siark... Band... Milla... Awan...

NAM... oleh... 10hb...

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT



1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantong kapada kelayakan:
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan sa-banyak $162.00 sa-bulan.
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti elaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



## Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

## SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penoh $433.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dengan gaji pokok $473.00 tidak termasok elaun chatuan $162.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 1hb September, 1980.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada:

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..............................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh lahir : .............................. Tempat lahir : ..............................

Alamat : ..............................................

..............................................

Nama Warith : ..............................................

Hubongan : .............................. No. Kad Pengenalan : ..............................

Alamat Warith : ..............................................

Nama Sekolah : ..............................................

Tingkatan : ..............................

Kelulusan : ..............................................

Kerjaya yang di-pileh : ..............................................

No. Talipon : ..............................

Tarikh : .............................. ..............................

Tanda Tangan





KEDUA2 gambar ini menunjokkan sa-bahagian daripada skuad Piala Lion City tahun ini ketika menjalani latehan2 fitness serta chara2 mengawal bola yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara baru2 ini.

BELIA DAN SOKAN

## Piala Lion City:

# BRUNEI DALAM KUMPOLAN 'A'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah di-undi dalam Kumpolan A bersama dengan Bahrain, Indonesia A, Malaysia, Saudi Arabia dan Singapura A dalam Kejohanan Piala Lion City kali yang ke-empat yang akan bermula di-Stadium Nasional Singapura pada hari Ahad 24hb. Ogos ini.

Pasokan kita akan membuka tirai permainan pada hari Isnin 25hb. Ogos dengan menentang pasokan dari Timur Tengah, Bahrain bertempat di-Stadium Jalan Besar mulai jam 7.00 malam.

Perlawanan Brunei di-kejohanan itu seterus-nya ia-lah menentang Malaysia pada 25hb. Ogos, Indonesia pada 29hb. Ogos dan Singapura A pada 30hb. Ogos. Kesemua perlawanan tersebut di-jalankan di-Stadium Jalan Besar yang akan bermula pada 7.00 malam sementara perlawanan terakhir ia-lah menentang Pasokan Saudi Arabia pada 1hb. September bertempat di-Stadium Jurong.

Sementara itu Jawatan-kuasa Penyelaras Piala Lion City 1980 telah pun menamakan nama 17 orang pemain yang turut menyertai skuad Brunei di-kejohanan itu nanti.

Mereka yang terpileh terdiri dari Awang Omar-ali bin Ibrahim, Awang Idris bin Haji Mohd. Jaafar, Awangku Wasliman bin Pengiran Setia Jaya Pg Haji Abdul Momin, Awang Faisal bin Haji Yusof, Awang Johari bin Abd. Karim, Awang Azman bin Md. Daud, Awang Isa bin Haji Abu. Bakar dan Tikum bin Subi, kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Manakala dari Daerah Tutong, pemain2 yang di-pileh ia-lah Awang Johnson S.D. Suti dan Awang Francis Thomas sementara dari Daerah Belait pula pemain2 yang akan di-sertakan ia-lah Awang Mohiddin bin Kamis, Awang Azhar bin Md. Suji, Abu. Bakar bin Bakir, Awang Abd Rahim bin Amat, Awang Jaffri bin Samad, Awang Azmi bin Julaihi dan Awang Zainuddin bin Kassim.

PEMAIN2 HARAPAN BRUNEI

Dari senarai2 pemain2 itu, tunggak kekuatan dan harapan pasokan kita terletak kapada dua orang pemain yang pernah mewakili Piala Lion City tahun lepas. Mereka ia-lah Awang Azman bin Md. Daud dan Awang Idris bin Haji Mohd Jaafar yang mana pengalaman mereka sedikit sa-banyak akan dapat mengukohkan keyakinan pemain2 lain.

Azman yang menunjokkan permainan yang baik pada tahun lalu akan di-beri tugas mengetuai pasokan, dan ini merupakan tanggong-jawab tambahan dari tugas-nya sa-bagai pemain striker sementara bagi Idris pula merupakan salah sa-orang pemain tulang belakang yang akan memberikan inspirasi kapada pemain2 lain di-samping menguatkan barisan pertahanan Brunei.

Keupayaan dan kelakunan kedua pemain2 kita telah di-nyatakan oleh Setiausaha Eksekutif Persatuan Bolasepak Singapura (FAS) Steven Tan dalam keluaran Berita Harian pada hari Khamis 7hb. Ogos yang lalu.

Di-mana tambah Steven Tan lagi, "Memandangkan peningkatan taraf kejohanan Piala Lion City ini, kami perchaya Brunei telah membuat persiapan yang lebeh gigih untok mengemukakan sa-buah skuad yang lebeh baik."

"Ada-lah sukar dan terlalu awal untok menguias tentang kekuatan pasokan mereka tahun ini, tetapi berdasarkan usaha-usaha yang di-jalankan oleh pehak persatuan-nya, kami menjangkakan taraf kelakunan yang lebeh tinggi dari mereka", ujar Awang Steven Tan.

Pemilehan, latehan2 serta pemergian skuad Brunei untok menyertai kejohanan itu ada-lah di-kelolakan bersama di-antara Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Jabatan Pelajaran dan Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA).

Skuad Brunei yang mengandongi 17 orang pemain serta di-temani oleh empat orang pegawai akan berlepas ka-Singapura pada hari Khamis 22hb. Ogos (esok).

# Perlawanan b-sepak sekolah2 menengah bawah perengkat separoh akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bolasepak perengkat sa-paroh akhir antara sekolah2 menengah bawah bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-langsongkan di-padang Sekolah Inggeris Berakas pada hari Selasa 26hb. Ogos mulai jam 3.00 petang.

Perlawanan yang pertama dalam kumpolan A ia-lah di-antara johan kawasan Jalan Muara ia-itu Sekolah Inggeris Berakas bertemu dengan johan kawasan Jalan Tutong, Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas. Perlawanan tersebut di-jangka akan di-mulakan pada pukol 3.00 petang. Pasokan yang kalah dalam perlawanan ini akan bertemu dengan johan kawasan Bandar Seri Begawan ia-itu Sekolah Persediaan Inggeris Dato Jamil.

Sementara dalam kumpolan B ia-itu bagi penuntut-penuntut yang berumor 16 tahun kebawah, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Menengah Bawah akan bertemu dengan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains Jalan Muara.

Penolong Penyusun Latehan Bahagian Jasmani, Jabatan Pelajaran, Awang Tuah bin Nordin memberitahu kapada Pelita Brunei minggu lalu bahawa johan dan naib johan dalam kedua kumpolan itu akan mewakili Daerah Brunei Muara ka-perengkat sa-negeri yang akan di-adakan pada awal bulan September depan.

Menyentoh mengenai dengan perlawanan itu, Awang Tuah menambah bahawa pusingan awal bagi kedua2 kumpolan itu telah di-jalankan sejak awal bulan Jun lagi di-mana sa-banyak 36 pasokan daripada 20 buah sekolah di-daerah ini telah mengambil bahagian.

Sekolah2 yang turut mengambil bahagian itu, jelas beliau sa-lanjut-nya ia-itu bagi kumpolan A enam pasokan dari kawasan Jalan Tutong, enam pasokan dari kawasan Jalan Muara dan enam pasokan lagi dari kawasan Bandar Seri Begawan sementara dalam kumpolan B pula sa-banyak 16 pasokan telah menyertai-nya.

Perlawanan bolasepak bagi sekolah2 menengah bawah ada-lah merupakan salah satu perojek tahunan bagi Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran dalam usaha-nya untok meninggikan mutu sukan di-negeri ini di-samping untok mengujudkan penuntut2 yang benar2 sehat dari segi bentok tuboh badan dan akal fikiran.

## 7 sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perkasa akan menganjorkan perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Perlawanan tersebut hanya terbuka kapada kampong2, kelab2, persatuan2 belia yang hanya tinggal di-Kampong Ayer yang berumor 20 tahun ka-bawah.

# Perlawanan sepak takraw bagi Daerah Tutong

TUTONG. — Perlawanan sepak takraw sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun akan di-adakan pada bulan September depan.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Lubok Pulau dan Bukit Sibut dan ia-nya terbuka kapada sekolah2 menengah dan maktab2, jabatan2 kerajaan dan pehak awam di-daerah tersebut.

Bayaran bagi satu regu yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan itu akan di-kenakan sa-banyak $10.00.

Borang2 penyertaan serta butir2 lanjut mengenai dengan kejohanan itu boleh di-perolehi dari Awang Basri bin Haji Lahid, di-Jabatan Pelajaran Tutong atau Awang Kadir bin Ali, di-Kampong Lubok Pulau.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya sekali hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Khamis 4hb. September 1980.

# Perlawanan Ping Pong perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan perengkat akhir ping pong terbuka bagi orang2 Melayu di-negeri ini akan di-adakan pada hari Isnin 1hb. September depan bertempat di-Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mulai jam 4.15 petang.

Perlawanan kali ke-empat yang di-anjorkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei itu di-adakan sempena memperingati Bangunan tersebut.

Sa-banyak tiga perlawanan perengkat akhir akan di-jalankan pada hari itu ia-itu perlawanan perseorangan lelaki dan bergu lelaki dan perseorangan wanita.

Hadiah2 kapada pemenang-pemenang di-akhir pertandingan di-jangka akan di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talib bin Haji Beruddin.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Jurutayang Pemandu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal Jama'mah, untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutayang/Pemandu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan mengenai dengan chara2 menggunakan Projektor Wayang Gambar, alat2 pembesar suara dan generator.

d) Mempunyai Lesen Memandu Kelas III.

e) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

f) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta kebolehan dan pengalaman yang luas dalam cheraian (c) di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**'Am:**

Chalon yang berjaya hendak-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784/EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb September, 1980.

(E/886/71)
(Bil: 106/1980)

## PREQUALIFICATION TO TENDER

**ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATIONS TO BRUNEI NATIONAL STADIUM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI**

APPLICATIONS are invited from experienced contractors who may wish to be considered for the following works.

PART A

Air Conditioning Installation consisting of: —

1) Supply and installation of three (3) nos. hermetic centrifugal water chiller sets each with approximately cooling capacity of 155TR and associated cooling towers, water pumps, AHUs, high static pressure fan coil units and equipments.
2) One (1) lot of air-cooled split packaged units.
3) One (1) lot of ventilation fans.
4) Ductwork, piping, valves for the whole A/C system.
5) All electrical works and wiring associated with the above plant.
6) All automatic control equipment associated with the air conditioning system.

PART B

Electrical Installation, comprising: —

1) Internal electrical wiring, telephone wiring and intercom system, main and other switchboards, sub-mains and cables and other associated works.
2) Luminarise of various applications.
3) Emergency system and standby generators.
4) Fire alarm system.
5) Impulse clock system.
6) Street lighting and compound lighting.
7) Television cabling.

Interested contractors are requested to provide full information for selection giving details as listed below:

1) Organisation of firm complete with technical personnel, equipment and plant for this project.
2) Experience of the firm and list of similar works carried out.
3) Financial position (banker's statement) for last 3 years.

Applications to be submitted and to reach the address below not later than September 6th, 1980.

The Director,
Public Works Department,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
with copy to:
Leeng Consulting Engineers,
P. O. Box 2257,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.
Singapore Associate Architects,
P. O. Box 1624,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Construction of proposed extension and alteration to Resettlement Building — Hj Yussof PDI Hj Mokti — $107,636.80.

2 Construction of RC bridge at Sg Penyatang — Sim Boon Hua Gen Cont — $531,172.05.

3 Installation (electrical) for Regimental Headquarters Complex, Berakas Camp — Southern Elec Co — $988,923.

4 Supply of TV receivers for primary schools — Auto Elec — $2,080 per set.

5 Canteen space frame/sub-contract for SM Sg Kebun — United Engineers — $206,744.

6 Maintenance of grassed areas under Term Contract at Bolkiah Camp 1 Sh Pembangunan Shambas.

7 ½" PSM Kent Water Meters with gallon counters — George Kent — $124,250 CIF — Brunei.

8 Galvanised iron pipes and fittings (No 28/80) — Eng Joo Hardware — $39,666.30 CIF Muara Port.

9 Electrical installation for RTB radio studio renovation — Lee Jong Elec Co — $47,927 — 10 weeks.

10 Construction of pantas at SMSH School padang, Bangar — Wong Siew Sing — $38,000.

## Penyelia Tambatan dan Gudang2

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyelia Tambatan dan Gudang2, di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan telah tamat dalam pelajaran menengah.

b) Tugas2 utama lantekan ini ia-lah mengurus anggota buroh pelabohan dan pergerakan dan melichinkan perjalanan barang2 muatan melalui pelabohan baharu di-Pelabohan Muara.

c) Kelayakan dalam jawatan pembantu kerja atau bahagian teknikal dalam Lembaga Pelabohan atau pertubohan yang sebanding dengan mempunyai pengalaman yang lengkap dalam perusahaan perkapalan dan gerakan2 pengangkutan barang2 muatan dan dokumen2 ada-lah di-kehendaki.

d) Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki bagi tugas2 lantekan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB.5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956-982-1007/EB/1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb September, 1980.

(E/419/74)
(Bil: 102/1980)

## KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE 2 CONTRACT 10 BADAS PUMPING STATION —

**REPLACEMENT MOTORS**

TENDERS are invited from suitably experienced firms for the supply and supervision of erection of four 75 kW squirrel cage induction motors (three installed and one spare) and three autotransformer starters, to replace the existing items at Badas raw water pumping station.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers,

WATSON (S. E. ASIA)
ROOM 40
HONGKONG BANK CHAMBERS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

Documents will only be issued to firms who have had experience in the supply and installation of large electrically powered pumps and ancillary equipment or to the authorised agents of such firms.

Application for the documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$500 payable to the Government of Brunei. The Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who submit a bona-fide tender.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than noon on Monday 15th September, 1980.

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 3 (THREE) Nos. ADDITIONAL CLASSROOMS EDUCATION CENTRE — BOLKIAH CAMP, B.S.B., BRUNEI FOR R.B.M.R.**

REGISTERED Class "B" Contractor and above registered with Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Air Conditioning Installation to Proposed 3 (Three) Nos. Additional Classrooms Education Centre — Bolkiah Camp, Bandar Seri Begawan, Brunei for R.B.M.R.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 20th August, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 2nd September 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 3 (THREE) Nos. ADDITIONAL CLASSROOMS EDUCATION CENTRE — BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI FOR R.B.M.R.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED LOGISTIC DEPOT AT BOLKIAH CAMP, BRUNEI**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 23rd September 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED LOGISTIC DEPOT AT BOLKIAH CAMP".
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 27th August 1980 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.
The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.
6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR DOMESTIC SCIENCE AND KITCHEN EQUIPMENT FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN, BRUNEI**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractor and Specialist up to 12.00 noon, 16th September 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR DOMESTIC SCIENCE AND KITCHEN EQUIPMENT FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN, BRUNEI".
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 27th August 1980 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.
The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.
6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor or Specialist.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 30th September 1980 for the construction and completion of:

CADET TRAINING ACCOMMODATION BANGAR CAMP, BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that:
2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.
2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $300,000.00 or 10% of the submitted tender, whichever is the greater. This document must be submitted to the Architects during the tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.
3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects:

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

from Monday 1st September 1980 onwards during normal office hours.
4. The tender deposit required is $3,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.
6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 134 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd Sepatember, 1980 for: —

PROPOSED TELECOMMUNICATION TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 137 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th August, 1980 for: —

CONSTRUCTION OF ADDITIONAL LIVING ROOMS TO 1 No. CLASS 'E' QUARTERS AND 1 No. CLASS "F" QUARTERS IN THE COMPOUND OF PRISON DEPARTMENT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 138 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd September, 1980 for: —

TILING TO OFFICE OF SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# DYMM TERIMA DARJAH KERABAT NS

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menerima Darjah Kerabat Negeri Sembilan — DKNS dari DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Al-Haj ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rahman.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan mendahului senarai 301 orang penerima anugerah Darjah2 dan Bintang2 Kebesaran bersempena Hari Keputeraan ke-58 tahun DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 17hb Ogos yang lalu.

Di-samping DYMM Baginda Yang Dipertuan, dua orang kenamaan yang lain juga telah menerima Darjah yang sama. Mereka ia-lah bekas Raja Permaisuri Agong yang pertama, Tunku Puan Besar Khursiah dan bekas Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tunku Durah binte Tunku Besar Burhanuddin.

# Kpl Moksin di-korniakan PJB kerana khidmat chemerlang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniakan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Berjasa - PJB kapada Kopral Moksin bin Juni dari Pusat Latehan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Pengorniaan Darjah tersebut ia-lah bagi mengenang jasa Kopral Moksin yang amat chemerlang dalam perkhidmatan.

Istiadat pengorniaan Darjah Pahlawan Negara Brunei itu telah di-langsongkan di-Istana Darul Hana di-ibu negeri di-sini pada hari Rabu 13hb. Ogos yang lalu sa-jurus sa-belum Istana Darul Hana di-buka untok kunjongan orang ramai.

Hadhir sama di-upachara itu termasok-lah Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier Duncan Cameron, Timbalan pemerentah AMDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Leftenan Kolonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud dan Pegawai Pemerentah Pusat Latehan AMDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dato Indera Setia Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Kesuma Haji Abdullah.

# Pindaan gaji bagi kerjaya AMDB

BERIKUT ia-lah satu pindaan tangga-gaji bagi sa-tiap anggota rekrut yang menjalani latehan asas tentera dalam pasokan Angkatan Laut dan Tentera Berjalan Kaki AMDB serta pindaan sa-lepas menamatkan latehan asas. Pindaan tersebut ada-lah saperti berikut :

**Angkatan Laut :**

Gaji dalam latehan asas sabanyak $500.00 sa-bulan. Gaji sa-lepas tamat latehan ada-lah bergantong dari salah satu tiga tangga-gaji pokok: 'B' — $545.00 di-tambah alaon permakanan $166.00 — jumlah 6731.00 sa-bulan. 'A' — $565.00 di-tambah alaon permakanan $186.00 — jumlah $731.00 sa-bulan. 'A' — $751.00 sa-bulan. 'X' — $625.00 di-tambahan alaon permakanan $186.00 — jumlah $811.00 sa-bulan.

**Tentera Berjalan Kaki .**

Gaji dalam latehan asas sabanyak $500.00 sa-bulan. Gaji sa-lepas tamat latehan sabanyak $545.00 di-tambah alaon permakanan $186.00 — jumlah $731.00 sa-bulan.

Bagi anggota yang berkhidmat di-dalam salah satu pasokan berkenaan ada-lah berhak mendapat penchen sa-lepas 15 tahun perkhidmatan, tetapi mereka boleh melanjutkan perkhidmatan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan masing2.

Dari muka 1

**Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Kerabat2 Diraja serta pembesar2 negara yang lain.**

Dari muka 1

lukkan kapada sebarang perubahan2 harga minyak di-pasaran dunia yang mana turun naik-nya harga2 itu akan di-tanggong oleh pengguna masing2.

Dengan jalan ini, kelaziman asas2 perniagaan biasa akan dapat di-pakai dalam bidang penjualan minyak itu.

Sa-belum kenaikan itu, harga minyak ia-lah $1.25 satu gelen bagi super, 90 sen bagi regular dan 75 sen bagi diesel.

# Harga gas juga naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan persetujuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sharikat Perdagangan Minyak Shell Brunei, (Brunei Shell Marketing Company Limited) telah mengumomkan kenaikan harga2 gas (Liquefied Petroleum Gas) yang di-gunakan oleh orang ramai.

Kenaikan tersebut bermula pada tengah malam hari Ahad 17hb Ogos.

Satu tong gas yang berat-nya 26 paun kini dijual dengan harga $16 dan bagi satu tong gas 96 paun pula ia-lah $55.

Juruchakap tersebut juga mengumomkan yang harga2 baru ini maseh lagi merupakan harga yang paling murah di-dapati dirantau ini.

Harga2 bagi gas kegunaan harian di-sini telah tidak berubah sejak beberapa tahun yang lalu dan harga2 pasaran dunia bagi LPG ini di-jangka akan berterusan naik dan sa-tiap usaha akan di-laksanakan untok mengseimbangkan keadaan harga-nya dan kenaikan2 bagi harga2 gas ini chuma akan di-kenakan selaras dengan keadaan perdagangan yang normal.



SA-TELAH mendengar taklimat mengenai penyelidekan charigali minyak di-Pusat Perhubongan Shell, para hadhirin telah di-bawa menyaksikan kerja2 penyelidekan sa-chara praktikal, saperti kelihatan gambar atas.

# Penyelidekan charigali minyak di-KB

Oleh :
SHADOON LAMZI

SERIA. — Kira2 20 orang pegawai2 kerajaan di-Daerah Belait termasok pemangku Pegawai Daerah, Pg Idriss ibni Almarhum Pg Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed telah hadhir dimajlis taklimat yang bersangkutan dengan proses charigali minyak yang di-kendalikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-sini Isnin lalu.

Majlis yang berlangsong di-Pusat Perhubongan sharikat itu menggambarkan satu era baru di-dalam perkembangan kerja2 penggalian minyak di-negeri ini di-dalam masa yang akan datang.

Kerja2 charigali ini, sapertimana yang di-terangkan oleh Ketua Jiofisik Sharikat Minyak Shell Awang Tom Duerst kapada para hadhirin, akan di-tumpukan di-dalam beberapa kawasan di-sekitar bandaran tidak saperti masa2 yang lalu di-mana kerja2 saperti ini di-lakukan di-hutan2 belantara.

Awang Tom Duerst seterus-nya menjelaskan, untok melaksanakan tugas-tugas serupa ini mereka akan menanam paip2 di-tempat2 yang berkenaan. Bahan2 letupan terpaksa di-gunakan di-setiap operasi untok mendapatkan isharat gagaran bumi yang di-dapati daripada radio.

Di-dalam proses ini, mereka akan memperolehi data2 yang kemudian-nya di-tempatkan di-dalam komputer yang menunjokkan garis2 tertentu yang menggambarkan keujudan minyak mentah atau pun gas di-tempat2 yang berkenaan.

Bahan2 letupan yang di-gunakan itu ada-lah merbahaya bagi keselamatan sa-tiap orang, lebeh2 lagi ia-nya kelak akan di-gunakan di-kawasan2 bandaran. Sharikat Minyak Shell akan menggunakan teknik-teknik khas dalam menyelanggarakan kerja2 ini dan risiko2-nya terhadap perumahan dan hartabenda lain di-fikirkan minima.

Ketua2 pejabat Jabatan2 Kerajaan di-daerah ini telah juga di-berikan kesempatan untok menyaksikan chontoh2 perjalanan operasi itu sa-chara praktikal di-kawasan perumahan di-Panaga, kira2 tiga batu dari sini.

Turut memberikan uchapan pada pagi itu ia-lah Awang Sandy Livingstone, Penasehat Perhubongan2 Perdagangan sharikat, dan Pengurus Penyelidekan, Awang Dick Knaap.

# PUSB akan merasmikan Kursus Sivik Penuntut2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Dato Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim akan merasmikan Kursus Sivik bagi penuntut2 Brunei diseberang laut pada 24hb Ogos ini.

Kursus kali kelima yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan2 Pelajaran, Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan, Belia dan Sokan itu akan di-hadhiri oleh 113 orang penuntut Brunei yang sedang berchuti di-tanah ayer.

Kursus sa-lama lima hari itu akan di-tutop dengan rasmi-nya oleh Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada 28hb Ogos.

Sa-masa berkursus, penuntut-penuntut itu akan mendengar beberapa buah tajok cheramah yang akan di-sampaikan oleh pegawai-pegawai kanan Kerajaan antara-nya cheramah mengenai dengan Struktur Pemerentahan Negeri Brunei dan Memelihara Keselamatan Negeri Brunei Sewaktu Berada di-Luar Negeri.

Di-samping itu, peserta2 kursus juga akan mengikuti kuliah suboh, mengadakan khemah kerja di-Daerah Temburong termasok membena pondok teksi dan membersehkan kawasan masjid di-daerah tersebut.

Khemah kerja itu juga akan di-adakan di-ibu negeri bagi membersehkan tanah perkuboran, kawasan tasek dan gerai makan di-Jalan Residency.

***SAKSIKAN-LAH TUGAS2 DAN TANGGONG JAWAB JABATAN PERTANIAN KAPADA MASHARAKAT TANI DI-EXPO PERTANIAN 1980 DI-STESHEN PERTANIAN KILANAS, BATU 10 JALAN TUTONG, PADA HARI AHAD 31HB. OGOS, 1980.***

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.